

15 AUG 2001

Umno-ISA

PENANGKAPAN UNTUK PASTIKAN KESELAMATAN NEGARA KEKAL UTUH

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Beberapa penangkapan yang dibuat oleh polis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) baru-baru ini adalah satu langkah bagi memastikan keselamatan negara kekal utuh, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata langkah itu, yang dianggap sebagai tindakan "draconian" seperti yang terkandung dalam satu artikel yang disiarkan oleh akhbar International Herald Tribune pada Isnin lepas, diambil bukan sahaja untuk melihat rakyat Malaysia menjalani kehidupan harian mereka tanpa perasaan bimbang malah memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa pelaburan mereka di negara ini adalah selamat.

"Mereka yang ditangkap sejak beberapa minggu lepas adalah orang yang disyaki polis mempunyai kaitan dengan beberapa pergerakan pelampau Islam untuk menjatuhkan kerajaan menerusi cara-cara bukan demokrasi termasuk menggunakan keganasan.

"Ia adalah kebetulan sahaja mereka itu anggota PAS," kata Mustapa dalam suratnya kepada pengarang akhbar itu hari ini.

Mustapa mengulas artikel yang ditulis oleh Rajiv Chandrasekaran bertajuk "Mahathir Cracks Down on Critics - Malaysian Police Arrest Opposition Leaders and Ban Public Rallies", yang disiarkan dalam akhbar itu pada 13 Ogos lepas.

Beliau berkata ISA ialah satu undang-undang pencegahan dan terbukti berjaya melindungi rakyat Malaysia dan membolehkan pihak berkuasa mengetepikan sebarang ancaman keselamatan kepada negara semasa awal penubuhannya.

"Mengikut undang-undang itu, polis dibenarkan menahan mana-mana orang yang disyaki bagi satu tempoh tidak lebih daripada 60 hari untuk tujuan siasatan. Hanya apabila mereka didapati bersalah membawa ancaman keselamatan yang serius, mereka akan ditahan lebih lama," katanya.

Mustapa juga menafikan tuduhan dalam artikel itu bahawa kerajaan tidak mempunyai bukti untuk menyokong dakwaannya memandangkan seorang daripada penjenayah itu telah pun dihadapkan ke mahkamah untuk menghadapi perbicaraan pada 11 Ogos lepas.

"Kami tidak faham bagaimana langkah-langkah kerajaan dapat mewujudkan keadaan yang tegang dan meningkatkan polarisasi agama dan etnik seperti yang anda nyatakan, apabila hakikat sebenarnya ialah apa yang pihak berkuasa cuba tegah dengan mengambil langkah-langkah yang dikatakan itu," katanya.

-- BERNAMA

NM AHH NAK